

Newspaper	Selangor Kini
Date	25/08/2017B



Penyerang *Nothing to Hide 2.0* lindungi Najib

Selangor Kini - 25/08/2017 B 8

SHAH ALAM - Pihak yang mencetuskan kekecohan pada forum *Nothing to Hide 2.0*, baru-baru ini didakwa penyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, hal itu kerana tiada alasan pemuda parti itu melakukan kekecohan kerana jelas forum terbabit tidak memihak kepada Najib.

Katanya, rusuhan bermula apabila soalan diutarakan tidak mendapat jawapan diharapkan dan ingin melindungi kepentingan perdana menteri.

"Memandangkan mereka jelas pro-Najib dan cuba tanpa berjaya untuk memalukan saya, sudah tentu mereka bukan daripada parti yang saya pimpin atau sayap pemuda PPBM.

"Pemimpin Umno boleh menafikan samseng ini daripada mereka tetapi hakikatnya mereka penyokong Najib,

yang juga presiden Umno" katanya dalam satu catatan di blog.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, walaupun polis bebas menyoal penganjur, namun Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar tidak seharusnya menggunakan bahasa yang mengugut mereka.

Katanya, Khalid harus mengelakkan dirinya daripada menggunakan bahasa yang memberi bayangan bahawa Pemuda PPBM selaku penganjur tidak mematuhi syarat polis.

"Jika polis mempunyai keraguan penganjur terbabit dalam sebarang salah laku, mereka boleh dipanggil untuk disoal siasat.

"Polis mesti mendengar cerita daripada pihak mereka. Perusuh dirakamkan sepenuhnya melalui video. Wajah mereka akan membantu mengenal pasti siapa perusuh dan apa yang mereka lakukan," katanya.